



**SOARING
UPWARDS**
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

KONAKA

KONFERENSI AKADEMIK

2016

Pengkongsian Ilmu Dari Perspektif Islam

30 November 2016 | Rabu
UiTM Cawangan Pahang
Kampus Jengka



Penggunaan Bahasa Slanga dalam Filem Tempatan: Satu Kajian Terhadap Filem Cereka Aksi

Khairul Firhan Yusob^{1*}, Muhamad Zaidi Zakaria²

¹Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Pahang,
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang, Malaysia
khairulfirhan@pahang.uitm.edu.my

²Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Pahang, Kampus Raub
Kampus Raub, 27600 Raub, Pahang, Malaysia
zaidizakaria@pahang.uitm.edu.my

*Penulis Rujukan

Abstrak: Bahasa slang ditakrifkan sebagai bahasa tidak rasmi yang rendah kedudukannya berbanding bahasa rasmi. Ia terdiri daripada kata-kata, ungkapan dan seumpamanya yang tidak berada dalam bahasa baku tetapi kebiasaannya digunakan dalam percakapan tidak rasmi seharian. Kini, dalam kepesatan industri perfileman Malaysia bahasa slang kerap kali dilihat menjadi bahasa pertuturan di dalam lakonan. Kajian ini mengupas penggunaan bahasa slang di dalam tiga buah filem cereka Melayu tempatan serta mengkategorikannya mengikut golongan kata. Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan bahasa slang yang digunakan berbentuk kata kerja selain penggunaan kata nama. Sekiranya penggunaan bahasa slang ini tidak dibendung, ia mungkin menjadi ancaman yang besar bagi pelestarian bahasa kebangsaan di negara ini.

Kata Kunci: Bahasa Kebangsaan, Bahasa Slang, Filem Melayu

1. Pengenalan

Bahasa merupakan sistem lambang-lambang bunyi suara yang dipakai sebagai alat perhubungan dan alat berbicara dalam lingkungan satu kelompok manusia. Kita mempunyai variasi bahasa yang dituturkan seharian. Terpulang kepada seseorang itu akan bentuk bahasa yang digunakan dan yang pentingnya, sama ada lawan yang diajak berbicara itu faham akan bahasa yang dituturkan itu atau sebaliknya. Asmah (1993) menekankan betapa pentingnya bahasa sebagai alat komunikasi atau perhubungan antara manusia dalam kehidupan seharian. Bagi Asmah (1993), bahasa yang digunakan merupakan sistem lambang yang mengaitkan maksud atau fikiran manusia dengan sesuatu benda yang konkrit ataupun abstrak agar pengguna dapat memahami sesuatu benda yang diperkatakan itu.

Bahasa merupakan alat perhubungan yang amat penting bagi manusia. Walau bagaimanapun, perhubungan boleh juga dilakukan dengan cara lain, seperti gerak-geri, simbol, kod dan sebagainya. Namun, perhubungan melalui perantara bahasa adalah semula jadi dan yang paling sempurna. Justeru, wujud pelbagai bentuk dan cara bahasa itu diucapkan, walaupun ada kalanya tidak berlandaskan hukum tatabahasa. Hal ini menepati salah satu ciri-ciri bahasa yang menjelaskan bahawa kewujudan bahasa itu adalah arbitari. Sehubungan itu, wujudlah bahasa pinggiran yang asasnya daripada bahasa baku sesuatu bangsa. Bahasa ini dikenali sebagai bahasa slang yang hanya digunakan dan difahami oleh kelompok-kelompok tertentu sahaja.

Secara umumnya, adakah kewujudan bahasa slang yang menjadi amalan golongan remaja ini merupakan satu bentuk kreativiti dalam perkembangan bahasa Melayu? Atau fenomena ini merupakan satu bentuk ancaman bahasa? Tegasnya inilah antara beberapa persoalan yang timbul apabila kita berhadapan dengan berbagai-bagai bentuk perkataan dan ungkapan yang sering digunakan oleh golongan remaja masa kini khususnya dalam filem aksi tempatan.

Istilah-istilah slanga yang baru dicipta seolah-olah mudah diterima dan diguna pakai tanpa menghadapi sebarang penapisan dari penuturnya, walaupun mereka mengetahui bentuknya menyalahi hukum tatabahasa. Namun kewujudan istilah-istilah slanga ini sukar dibendung kerana perkembangannya selaras dengan persekitaran yang sentiasa berubah-ubah mengikut arus zaman. Justeru, tidak hairan bilangan perbendaharaan kata bahasa slanga terus bertambah dari masa ke semasa.

2. Latar Belakang Kajian

Bahasa Melayu merupakan bahasa yang dinamik dan bersifat terbuka. Arus pembangunan yang begitu cepat berlaku dinegara ini telah membuka ruang kepada pembentukan kosa kata dan peristilahan baru bagi memenuhi ruang kosong untuk pelbagai bidang ilmu. Berdasarkan hakikat ini, kewujudan bahasa slanga tidak dapat dinafikan, kerana pembentukannya juga seiring dengan perkembangan bahasa, dan akan terus hidup mengikut perkembangan zaman.

Wok Khek Seng (1994) mendapati penggunaan bahasa slanga dalam kalangan mahasiswa Universiti Malaya sangat meluas. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengumpulkan data bahasa slanga melalui soal selidik yang diperolehi daripada 150 orang. Bahasa slanga yang digunakan oleh mahasiswa berkait rapat dengan hal-hal pelajaran dan keadaan hidup sosial di kampus. Penggunaan bahasa slanga dalam kalangan mahasiswa telah memperlihatkan beberapa fungsi sosial, jika dilihat dari sudut sosiolinguistik. Umpamanya, dalam konteks ekonomi, perkataan dan rangkaian kata yang lazim digunakan ialah seperti 'DTC' (Dewan Tunku Canselor), 'PAS' (Pusat Asasi Sains), 'DK' (Dewan Kuliah).

Manakala Halim Hamdan (1992) merupakan seorang pengkaji bahasa slanga tempatan yang menumpukan kajian tentang penggunaan bahasa 'rocker' dalam kalangan remaja. Beliau berpendapat bahasa 'rocker' yang cenderung digunakan oleh golongan remaja mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri, dan pembentukannya dipengaruhi oleh kegiatan-kegiatan yang dilakukan oleh kelompok-kelompok berkenaan. Penggunaan bahasa slanga ini juga bersifat musiman atau sementara sahaja.

3. Pernyataan Masalah

Nik Safiah Karim (1992), menjelaskan penggunaan bahasa slanga dalam kalangan remaja khususnya dalam filem aksi tempatan tidak perlu dibendung selagi tidak merebak ke dalam tulisan dan acara-acara rasmi. Beliau menambah penggunaan slanga bukanlah perkara baru dalam sesebuah masyarakat dinamik seperti negara ini, kerana setiap golongan cuba menonjolkan identiti mereka sendiri. Hal ini dapat dilihat apabila penggunaan slanga bukan sekadar dituturkan oleh golongan remaja, malah terdapat juga kalangan profesional seperti doktor, peguam dan para pendidik yang mempunyai slanga mereka sendiri.

Sementara itu pula, Ismail Hussein (dalam Bandan, 1992: 753) Pengarah Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan, Universiti Kebangsaan Malaysia melahirkan kebimbangan bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan akan hancur jika penggunaan bahasa slanga tidak diimbangi dengan penggunaan bahasa elit. Menurut beliau lagi bahasa slanga akan menjadi dominan, begitu juga dengan loghat daerah. Lebih membimbangkan lagi jika bahasa slanga ini digunakan dalam filem, televisyen dan media cetak khususnya yang berunsur kartun, kerana ia dapat mempengaruhi minda remaja.

Pada umumnya, kebimbangan ini adalah berasas kerana kecenderungan penggunaan bahasa slanga dalam pertuturan harian secara tidak langsung akan menggugat dan menghancurkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa utama negara. Sebaliknya ada juga yang beranggapan bahawa usaha membentuk bahasa slanga sebagai suatu aktiviti kreatif. Usaha ini turut menambah dan memperkaya perbendaharaan kata bahasa Melayu dengan gaya dan unsur yang tersendiri.

Oleh itu, pengkaji merasakan adalah wajar sekiranya fenomena ini bukan sekadar ditonton sahaja dalam filem-filem dan sebagainya, tetapi perlu dijalankan kajian tentang penggunaan bahasa slanga itu sendiri. Hakikatnya ialah untuk melihat sama ada bahasa slanga ini perlu dibendung penggunaannya supaya tidak meluas diamalkan oleh golongan remaja berkenaan, di samping dapat menentukan sejauh mana bahasa slanga ini akan merosakkan perkembangan bahasa Melayu baku bagi masa akan datang.

4. Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah untuk:

1. Membuat penelitian tentang penggunaan bahasa slanga yang digunakan dalam filem-filem aksi tempatan.
2. Mengenal pasti golongan kata bahasa slanga yang paling banyak digunakan dalam filem-filem aksi tempatan

5. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian yang menggunakan pendekatan deskriptif kualitatif. Data kualitatif dikenalpasti dan dianalisis secara induktif dan deskriptif bagi mencapai objektif kajian. Sebanyak tiga buah filem aksi cereka tempatan telah dipilih untuk dianalisis iaitu *Gengsterock Kasi Sengat* (2015), *Ophilia* (2015) dan *Lu Mafia, Gua Gangster* (2016). Setiap penggunaan bahasa slanga direkodkan secara bertulis dan diasingkan mengikut golongan kata.

6. Dapatan Kajian dan Perbincangan

6.1 Penggunaan Bahasa Slanga Dalam Filem-Filem Aksi Tempatan

Hasil daripada penelitian bagi setiap penggunaan bahasa slanga di dalam ketiga-tiga buah filem tersebut direkodkan seperti di dalam Jadual 1, Jadual 2 dan Jadual 3.

Jadual 1. Penggunaan Bahasa Slanga dalam filem *Gengsterock Kasi Sengat* (2015)

Bahasa Slanga	Contoh Penggunaan Ayat Dalam Filem	Maksud
Cun	" <i>Sorry</i> (maaf) lah Yim, kerang tak <i>cun</i> "	Cantik
Suwei	"Aku rasa pasal <i>suwei</i> la. Tukar nama."	Sial atau bernasib malang
Jeles	"Hah! <i>Jeles</i> ke?"	Dengki atau cemburu
Awek	"Ko tu <i>awek</i> banyak"	Teman wanita
Kutu	"Aku rasa <i>kutu</i> macam kau, tak payah la."	Orang yang terlibat dengan amalan negatif
Brader	"Kau dengar ye, <i>brader</i> ".	Abang atau kawan lelaki
Gua	"Kalau <i>gua</i> dengar <i>lu</i> bagitau orang <i>lu</i> gagal sebab <i>lu</i> jaga <i>gua</i> , <i>gu</i> hempuk <i>lu</i> punya kepala."	Aku
Lu	"Kalau <i>gua</i> dengar <i>lu</i> bagitau orang <i>lu</i> gagal sebab <i>lu</i> jaga <i>gua</i> , <i>gu</i> hempuk <i>lu</i> punya kepala."	Engkau
Sengat	" <i>Lu</i> lupa solat, <i>gua</i> kasi sengat."	Pukul
Blah	"Dah la tu. <i>Blah, blah, blah.</i> "	Pergi

Taiko	“Gua taiko sini.”	Ketua
Tong tong	“Kalau kita <i>jamming</i> dapat lagu baik, <i>tong tong</i> kita, dapatlah alas perut.	Kongsi
Tere	“Ayah kan <i>tere</i> .”	Hebat
Rembat	“Selain daripada aku sedih tv (televisyen) aku kena <i>rembat</i> , aku sedih sebab lama aku tak tengok gambar mak bapak aku.”	Curi
Bro	“Takpe <i>bro</i> , aku janji aku akan tebus.”	Abang atau kawan lelaki
Lubang	“Kalau <i>lu</i> tahu apa-apa <i>lubang</i> ...”	Peluang
Lek (Rileks)	“ <i>Lek, lek, lek</i> .. Tunggu dulu”	Tenang

Jadual 2. Penggunaan Bahasa Slanga dalam filem *Ophilia* (2015)

Bahasa Slanga	Contoh Penggunaan Ayat Dalam Filem	Maksud
Pak guard	“Dia lari dengan <i>pak guard</i> Bangladesh”	Pengawal keselamatan
Hati kering	“Ozi ni macam aku jugak. <i>Hati Kering</i> .”	Degil atau tiada perasaan belas kasihan
Bangap	“Kau tahu <i>rules</i> (peraturan) tak main? Bangap!”	Bodoh
Hayun	“Kalau kau rasa nak kena <i>hayun</i> ...”	Pukul
Gebang	“Ateng tu kau tau je la, dia tu cerita <i>gebang</i> je lebih”	Tipu atau menokok tambah cerita
Tersadai	“Teruk, Ji. Tak sanggup aku tengok dia maam tu, Ji. <i>Tersadai</i> , Ji.”	Terbaring tidak bermaya
Goyang	“Kalau kau <i>goyang</i> , kau tunggu sini. Biar aku pergi”	Takut
Kencing	“Kau dah <i>kencing</i> aku. Kau kata Ateng tak teruk, padahal dia dah berbalut macam <i>mummy</i> (mumia).”	Tipu
Awek	“Ini ko bagi <i>awek</i> ko yang sasa binasa tu tengok”	Teman wanita
Raya	“Aku rasa malam ni aku nak <i>raya</i> dia orang.”	Belasah atau pukul
Can	“Jangan kasi <i>can</i> ”	Peluang
Blah	“Kau boleh <i>blah</i> tak?”	Pergi atau berambus
Hentak	“Kalau Faktab <i>hentak</i> engkau, engkau tak macam ni...”	Belasah atau pukul
Arwah	“...engkau tak macam ni. Mesti engkau dah <i>arwah</i> ”	Mati
Barua	“ <i>Barua</i> la Toi ni.”	Kata makian
Air setan	“Satu kelemahan aku, <i>air setan</i> (syaitan)”	Arak
Menyalak	“Tak payah <i>menyalak</i> sangat la kalau diri sendiri pun tak betul.”	Menegur atau membuat bising
Beduk	“Aku <i>beduk</i> juga dia ni”	Pukul
Lu, bikin, gua, panas	“ <i>Lu bikin gua panas</i> ”	Kau buat aku marah
Amoi	“ <i>Amoi</i> ni gila ke?”	Gadis Cina

Jadual 3. Penggunaan Bahasa Slanga dalam filem *Lu Mafia, Gua Gangster* (2015)

Bahasa Slanga	Contoh Penggunaan Ayat Dalam Filem	Maksud
Taruk	“Lain kali <i>taruk ringtone</i> bunyi kucing”	Letak atau masukkan
Gua	“ <i>Gua</i> cari kotak”	Aku
Lu	“ <i>Lu</i> jangan loyar buruk”	Kau
Kasi	“Semua <i>gua</i> punya <i>job</i> (kerja) sudah <i>kasi sailang</i> sama itu kitar semula”	beri
Sailang	“Semua <i>gua</i> punya <i>job</i> (kerja) sudah <i>kasi sailang</i> sama itu kitar semula”	Rampas
Tere	“ <i>Tere</i> kan aku berlakon?”	Hebat
Mengular	“Aku suruh kau orang bekerja, kau orang <i>mengular</i> pula”	Ponteng
Koman	“Kalau nak <i>drift</i> pun, <i>koman-koman</i> pun Nissan Cefiro.	Biasa, tidak istimewa dan paling rendah kualitinya.
Bro	“ <i>Bro</i> , jom kita tangkap perempuan tu, <i>bro!</i> ”	Abang atau kawan lelaki
Bahan	“Kau suka-suka <i>bahan</i> aku ye.”	Kutuk

Jadual 1, 2 dan 3 di atas menunjukkan bahasa slang yang dituturkan di dalam ketiga-tiga filem aksi cereka yang dianalisa. Menerusi pemerhatian, terdapat beberapa bahasa slang yang sama digunakan dalam ketiga-tiga filem tersebut seperti *awek*, *gua*, *lu*, *blah* dan *tere*. Perkataan-perkataan ini bersifat umum dan sering kali digunakan dalam perbualan seharian. Selain itu, didapati terdapat beberapa bahasa slang berbeza yang digunakan berkongsi maksud yang sama. Sebagai contoh, perkataan *hayun*, *sengat*, *beduk* dan *hentak* yang membawa maksud yang sama iaitu memukul atau membelasah.

Pemerhatian lain yang dapat dibuat ialah mengenai penggunaan bahasa slang yang mempunyai beberapa maksud yang lain. Walau bagaimanapun, maksud yang diberi di dalam analisa adalah dilihat dari segi konteks dialog. Contohnya seperti perkataan *menyalak* yang boleh membawa maksud sebagai menegur dan juga membuat bising.

Terdapa beberapa bahasa slang yang digunakan dipinjam daripada Bahasa Inggeris dan dimelayukan sebutannya. Sebagai contoh, perkataan *brader* dan *bro* yang diambil daripada perkataan ‘*brother*’. Antara lain ialah perkataan *can* yang diambil daripada ‘*chance*’ yang membawa maksud peluang dan perkataan *koman* yang diambil daripada perkataan ‘*common*’ bermaksud biasa dan tidak istimewa.

6.2 Jenis Golongan Kata Bahasa Slang Yang Digunakan Dalam Filem-Filem Aksi Tempatan

Jadual 4. Jumlah kekerapan penggunaan golongan kata dalam ketiga-tiga filem

Golongan Kata	Jumlah Perkataan Bahasa Slang
Kata Nama	13
Kata Ganti Nama	4
Kata Kerja	20
Kata Sifat (Adjektif)	10

Berdasarkan Jadual 4, kata kerja didapati sebagai golongan kata yang paling banyak digunakan sebagai bahasa slanga diikuti dengan kata nama dan kata sifat (adjektif). Penggunaan kata ganti diri didapati paling sedikit kerana sifat kata ganti nama itu sendiri yang hanya digunakan untuk menggantikan kata nama (Zaitul Azma, 2004). Seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 1, 2 dan 3, penggunaan kata kerja dapat divariasikan dengan penggunaan bahasa slanga yang berlainan tetapi masih berkongsi maksud yang sama. Justeru, ini menyumbang kepada penggunaan kata kerja sebagai golongan kata yang paling banyak digunakan dalam ketiga-tiga filem cereka aksi tersebut.

7. Kesimpulan

Penggunaan bahasa slanga didapati digunakan dengan agak meluas di dalam filem-filem cereka tempatan lebih-lebih lagi filem aksi. Ini kerana, filem-filem sebegini memaparkan kehidupan latar belakang masyarakat yang pelbagai seperti golongan samseng, pemuzik rock, dan golongan remaja. Justeru, bahasa slanga digunakan dalam filem-filem tersebut bagi memaparkan realiti dan kecenderungan bahasa sebenar yang digunakan.

Daripada dapatan kajian, dapatlah disimpulkan bahawa bahasa slanga digunakan dengan agak meluas di dalam filem-filem tempatan. Penggunaan kata kerja adalah paling banyak digunakan dan mudah dimanipulasi untuk dijadikan bahasa slanga. Penggunaan perkataan-perkataan ini walau bagaimanapun tidaklah digunakan untuk keseluruhan perjalanan filem tetapi lebih kepada situasi yang memerlukan bahasa slanga sahaja agar situasi yang dilakokan nampak lebih bersahaja dan tidak terlalu formal.

Walaupun penggunaan bahasa slanga ini agak meluas dalam filem tempatan tetapi ia tidak perlu dibendung selagi tidak memberi kesan negatif kepada remaja seperti terbawa-bawa penggunaannya dalam tulisan rasmi dan akademik (Nik Safiah, 1992). Akan tetapi, penonton khususnya kanak-kanak dan remaja yang menonton filem-filem yang banyak menggunakan bahasa slanga ini haruslah bijak membezakan di antara bahasa standard dan bahasa slanga.

8. Rujukan

- Abdul Halim Bandan. (1992). *Bahasa Rock Protom*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj Omar. (1993). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj Omar. (1993). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka .
- Nik Safiah Karim. (1992). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2010). *Pragmatik Linguistik*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Wong Khek Seng. (1994). *Bahasa Slanga di Kalangan Mahasiswa Universiti Malaya*. Dewan Bahasa, Jilid 38: 749-754.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2004). Penggunaan Kata Ganti Nama 'Dia' dan 'Kita' dalam Pertuturan Kanak-Kanak Melayu: Satu Analisis Pragmatik. *Jurnal Bahasa*. Dewan Basah dan Pustaka, Jilid 4: 186-204.